

## KERISAUAN GURU TERHADAP PENYELIAAN PENGAJARAN DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ZON BANGSAR, KUALA LUMPUR.

*Vijayaamalar Gunarasa & Suhaida Abdul Kadir*  
*Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia*

### Abstrak

Penyeliaan pengajaran sangatlah penting untuk kecemerlangan di dalam pengajaran dan pembelajaran dan di dalam pengurusan kurikulum. Penyeliaan sangat mustahak untuk pemantauan pengajaran di sekolah dan untuk melihat kesannya di dalam tugas guru supaya ianya dapat dijalankan dengan berterusan terhadap guru-guru dan untuk membantu meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk mengkaji kerisauan guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dijalankan di dalam kelas. Kajian ini melibatkan 250 orang guru di tujuh buah Sekolah Menengah Kebangsaan di Zon Bangsar, Kuala Lumpur. Data kajian dikutip dengan menggunakan soal selidik. Kerisauan terhadap penyeliaan diukur menggunakan soal selidik atau instrumen yang diubah suai merujuk kepada 'Teaching Anxiety Scale (TCHAS)' yang direka oleh Parson' (1973) untuk penyelidikan ini. Dapatan kajian menunjukkan kerisauan guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dijalankan di dalam bilik darjah adalah pada tahap yang sederhana (Min = 3.04, S.P = .68). Kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara kerisauan guru terhadap penyeliaan pengajaran berdasarkan faktor demografi iaitu jantina dan pengalaman mengajar.

Kata kunci : Kerisauan; Penyeliaan Pengajaran

### Pengenalan

Perdana Menteri kita YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak menyatakan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (KPM, September 2012) bahawa pendidikan di Malaysia memerlukan tranformasi yang drastik dan menyeluruh. Melalui perubahan ini kita akan melihat pencapaian yang cemerlang di kalangan pelajar. Melalui perspektif baru yang drastik ini juga kemahiran pelajar dapat dibangunkan bersesuaian dengan keperluan abad ke-21. Peningkatan yang dinamik dari segi pengajaran dan pembelajaran sangat penting di dalam mencapai aspirasi pendidikan yang tinggi (KPM, September 2012). Menurut Gurnam & Chan. (2010), ia sering dikatakan bahawa pengetua adalah pembuat keputusan secara rasional bagi sesebuah sekolah. Ekoran daripada kenyataan di atas mereka mestilah memastikan bahawa peningkatan pembelajaran pelajar menjadi fungsi utama sekolah. Oleh itu, pengetua sekolah mesti memastikan guru bertanggungjawab untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti yang mengutamakan kurikulum yang terancang dan strategi pengajaran yang mengambil kira pelbagai keperluan yang dikehendaki mengikut standard setiap pelajar di dalam kelas mereka. Ini menjelaskan peranan pengetua sekolah sebagai seorang penilai dan penyelia dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Penyeliaan yang sistematik dan betul menyokong pembangunan pengajaran dan pembangunan profesional, meningkatkan "keperibadian, kerjasama, menggalakkan kritikan, dan menyumbang kepada perubahan pedagogi" seperti yang telah diserlahkan oleh Holland dan Adams (2002). Untuk lebih menyerlahkan lagi kenyataan di atas Acheson and Gall (2003) menyatakan bahawa penyeliaan adalah lebih kepada interaktif dan kerjasama bukan bersikap autokratik. Tambahan pula, ianya bukanlah arahan tetapi lebih bersikap demokratik. Penyeliaan bukan berpusatkan kepada penyeliaan yang autokratik tetapi ianya lebih berpusatkan kepada guru.

Berdasarkan Hamdan dan Lim (2011), pengetua harus mempunyai kemahiran dan kecekapan dalam mengesan sebarang masalah yang kemungkinan wujud disebabkan oleh pedagogi dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta mempunyai pengetahuan yang cekap serta mengikut sukatan pelajaran yang terkini. Pengetua sebagai penyelia juga harus mengemukakan cadangan yang bernas untuk membaiki kelemahan yang sedia ada dan mempunyai kemahiran berkomunikasi yang dapat mengubah sikap dan cara guru yang diselia itu dipengaruhinya di dalam menjalankan tugas pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Haseeth (2005) dan Fang & Liang (2009) kita dapat melihat tekanan yang paling tinggi di dalam profesion perguruan. Dengan ini, emosi kita akan dilemahkan oleh kerisauan (Zeidner, 2007). Kerisauan mengakibatkan guru di dalam perkhidmatan dan guru yang baru

berkhidmat sering mengalaminya (Capel, 1997; Morton, Vesco, Williams dan Awender, 1997; Sinclair & Ryan, 1987). Menurut Dilmac, Hamarta & Arslan (2009) kerisauan atau kebimbangan pada dasarnya boleh ditafsirkan sebagai “keadaan yang dirangsang serta menjelma dengan perubahan fizikal, emosi, mental dan pengalaman seseorang individu terhadap situasi berbahaya yang bukan objektif”. Bernard dan Goodyear (1998) menyatakan bahawa hubungan antara penyelia klinikal dan orang yang diselia adalah sangat rumit atau kompleks dan penyelia juga berperanan sebagai penilai, pemerhati, rakan sekerja dan juga guru. Ia juga dikatakan kerisauan adalah perkara yang serius dan kian meningkat kesannya di kalangan orang yang diselia. Kerisauan ada juga dipengaruhi oleh keadaan seperti pendirian seseorang guru, pengalaman, sikap, personaliti dan hubungan yang wujud dengan penyelia dan pelajar. Maka kemungkinannya kerisauan boleh wujud disebabkan oleh pelbagai cara dan sumber dan ianya akan mengganggu penyeliaan yang dijalankan.

Berdasarkan Amy (1995) penyeliaan adalah salah satu pengalaman yang cukup memberikan tekanan kepada kedua-dua pihak iaitu penyelia dan orang yang diselia itu. Guru tiada kuasa di dalam kelas memandangkan autoriti mereka dirampas dan mereka juga diminta untuk melakukannya iaitu mengajar di depan ramai orang ketika penyelia berada di belakang kelas memerhatikan pengajaran mereka. Tahap kerisauan guru akan meningkat kerana guru-guru terasa mereka begitu terdedah kerana penyeliaan terhadap mereka bukan lagi bergantung kepada kaedah dan objektif pengajaran tetapi lebih kepada respons daripada pelajar dan pemahaman mereka (Amy, 1995).

Kerisauan yang timbul di dalam diri seseorang guru akan mengakibatkan mereka memberi fokus yang kurang terhadap pengajaran kerana fokus dan fikiran mereka akan lebih kepada kerisauan dan akibatnya terhadap mereka. Kerisauan seseorang juga akan meningkat jikalau terhadap kekurangan keyakinan di dalam diri seseorang guru serta ini akan menyebabkan wujudnya konflik yang tidak diinginkan (Skovholt & Mathison, 2011). Menurut Hamdan & Nurlia (2011) penyeliaan telah dianggap sebagai satu helah atau peluang kepada seseorang penyelia iaitu guru besar untuk mencari sebarang kesilapan atau kelemahan guru. Ini juga adalah kerana konsep penyeliaan dan prosesnya telah mendapat konflik yang negatif di kalangan guru-guru. Perkara ini bertambah teruk apabila tugas penyeliaan yang sepatutnya dijalankan oleh pengetua atau guru besar diserahkan kepada guru penolong kanan atau guru panitia di mana kemampuan dan kredibiliti mereka diragui dari segi kemahiran membuat penyeliaan oleh para guru. Ini menyebabkan guru-guru mempunyai tanggapan yang negatif terhadap penyeliaan pengajaran dan sama ada penyeliaan pengajaran ini wajar dijalankan untuk mencapai matlamat penyeliaan.

Kerisauan ketika penyeliaan akan mengakibatkan pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan terganggu dan seterusnya guru mendapat skor markah yang rendah. Guru-guru yang mengalami kerisauan telah menghadapi masalah dari segi berdiri di depan pelajar atau kelas, penyediaan bahan bantuan mengajar dan risau dari segi menjawab soalan yang akan dikemukakan oleh pelajar ketika pengajaran dan pembelajaran sedang berlangsung (Gardner dan Leak, 1994). Kajian yang dijalankan oleh Mohd Nor Mohd Zain (1999) mendapati melalui sebuah laporan di dalam surat khabar tempatan yang melaporkan bahawa terdapat lebih kurang 60 peratus daripada guru-guru sekolah di Malaysia berasa takut atau risau ketika penyeliaan dijalankan. Keadaan ini akan bertambah serius jikalau langkah atau kaedah penyeliaan yang sistematik tidak diaplikasikan oleh penyelia ketika penyeliaan pengajaran dijalankan dan ini akan menyukarkan lagi untuk melihat kesan pengajaran guru yang diselia itu.

Kebanyakan kajian yang melibatkan kerisauan terhadap penyeliaan pengajaran melibatkan kaunselor sekolah, kurangnya kajian yang melibatkan guru-guru sekolah dan ini membuatkan pengkaji memilih tajuk ini untuk melakukan kajian. Kajian yang dijalankan oleh (Bernard & Goodyear, 1998; Ladany et al. 2005; Liddle, 1986) mendapati kerisauan guru merupakan faktor yang paling dominan atau utama untuk melihat perkembangan pembangunan diri seseorang guru ketika penyeliaan klinikal dijalankan untuk melihat hubungan di antara penyelia dan guru. Berdasarkan (Azizah et al. 2006), apabila pengajaran sedang berjalan segelintir guru-guru berasa tidak selesa kerana mereka diperhatikan oleh penyelia dan ini menimbulkan perasaan kebimbangan di kalangan guru tersebut.

Berdasarkan Zeidner & Matthew (2011) kerisauan merujuk kepada keadaan psikologi di mana wujud perasaan yang tidak selesa dan bimbang yang tercetus oleh sebab keadaan yang

sangat samar. Ia juga dikatakan bahawa kerisauan adalah merujuk kepada perasaan umum, keresahan tentang sesuatu perkara yang tidak dapat ditentukan, meresap, tidak pasti dan sering berbentuk ancaman atau bahaya. Dalam konteks kajian ini, kerisauan bermaksud kerisauan terhadap penyeliaan pengajaran yang merujuk kepada guru adalah perasaan risau semasa penyeliaan pengajaran dijalankan dan perasaan cemas terhadap aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan penyeliaan pengajaran seperti prosedur penyeliaan, bagaimana penyeliaan dijalankan, aktiviti yang berlaku sebelum, semasa dan selepas penyeliaan berserta dengan kekerapan penyeliaan yang dijalankan.

Kepentingan penyeliaan pengajaran haruslah dijelaskan kepada guru-guru untuk proses pengajaran mereka. Menurut Hashim (2000) sistem penyeliaan pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan kini banyak menimbulkan perasaan risau atau bimbang dalam kalangan guru. Penyeliaan yang dilakukan oleh pengetua atau wakilnya yang telah diberi kuasa turut mengakibatkan kerisauan terhadap guru apabila konsep penyeliaan tidak difahami sepenuhnya. Bernard dan Goodyear (2009) menyatakan bahawa fokus penyeliaan adalah untuk meningkatkan tahap keyakinan dan kemahiran orang yang diseliannya iaitu guru. Selain itu menurut Skovholt dan Matthison (2011) mendapati bahawa ketiadaan keyakinan profesional akan meningkatkan kerisauan apabila terpaksa menghadapi situasi yang lebih kompleks. Kerisauan akan menghalang guru daripada memenuhi kehendak pelajar memandangkan guru tersebut terpaksa memberi tumpuan kepada diri mereka.

Menurut (Parker, 2009 di dalam Michelle Trudhgen & Sharon Lawn, 2011) menyatakan bahawa profesion perguruan merupakan profesion yang paling tertekan. Ini adalah kerana 40 peratus daripada guru-guru melaporkan bahawa mereka sangat tertekan dan ini merupakan dua kali ganda dari purata profesion yang lain. Berdasarkan Murray dan Slee (2010) kesejahteraan emosi dan sosial amat penting bagi seseorang individu dan sekolah dan guru-guru harus mempraktikkannya. Dilmac, Hamarta & Arslan (2009), mentafsirkan kerisauan sebagai “keadaan yang meransangkan dan menjelma dirinya dalam keadaan fizikal, perubahan emosi, dan pengalaman mental individu terhadap bahaya bersifat bukan objektif”. Hasil kajian Comeau, Stewart & Loba (2001) menyatakan terdapat satu kerisauan yang dikenali sebagai kerisauan terhadap sifat. Seseorang individu yang mempunyai kerisauan yang sangat tinggi terhadap sifat boleh mengalami gejala kerisauan dalam keadaan yang sangat tertekan dan mereka cenderung terhadapnya. Ini menyebabkan seseorang individu yang mempunyai kerisauan yang tinggi akan sifat akan bersikap secara negatif tidak mengira keadaan atau situasi.

Kajian yang dijalankan oleh Morton, Vesco, William dan Awender (1997) yang mengukur 1,000 orang guru di Kanada dari segi pembolehubah seperti pengurusan kelas, penilaian, kerisauan berhubung dengan kakitangan dan pedagogi mendapati bahawa apabila kerisauan terhadap pengajaran meningkat guru-guru akan berasa sangat terharu. Selain itu, Gardner & Leak (1994) menunjukkan bahawa guru-guru yang mempunyai kerisauan pengajaran akan mempunyai masalah dari segi berdiri di depan kelas, persediaan untuk mengajar dan menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh pelajar. Menurut Ameen, Guffey dan Jackson (2002) kerisauan pengajaran memberi kesan yang negatif ke atas diri guru, situasi dan kerja yang tidak menyenangkan dan mengakibatkan kesukaran untuk menjawab persoalan yang ditanya oleh pelajar, melakukan tingkah laku pengelakkan dan langkah pertahanan yang diamalkan di dalam pengajaran. Manakala kajian oleh Chan (2007) menunjukkan bahawa kerisauan boleh membawa masalah kepada kedua-dua guru dan pelajar yang terlibat. Beliau juga menyatakan bahawa reformasi pendidikan yang kerap berlaku boleh membawa kepada tahap tekanan yang sangat tinggi terhadap guru, tidak puas hati di kalangan guru dan ini adalah kerana mereka terpaksa menghadapi pelbagai tekanan dan perubahan di dalam kerja mereka.

Apabila timbul satu keadaan yang mengancam maka kerisauan akan wujud dan kerisauan ini membawa takrif sebagai satu keadaan di mana wujud perasaan tidak selesa atau takut kerana ada perasaan yang cemas (Koba, Ogawa & Wilkinson, 2000). Dengan itu, individu yang terpaksa menghadapi sesuatu keadaan yang tidak dapat dihindarkan terpaksa menghadapinya iaitu melahirkan perasaan risau. Ianya juga melibatkan perasaan seseorang dalam situasi yang melibatkan kebolehan dan penilaian potensi diri. Kerisauan juga boleh mengganggu pengajaran (Cassady, 2004) memberi kesan terhadap kecekapan sosial (Hoffman, 2001). Thomas (2006) menyatakan bahawa kerisauan terhadap pengajaran adalah seperti perasaan, tingkah laku yang

mengganggu keupayaan seseorang individu untuk memulakan, membuat penyambungan dan akhir sekali menyelesaikan tugas yang diberikan kepada mereka. Namun begitu pengurangan di dalam kerisauan sering membawa perubahan terhadap peningkatan pencapaian seseorang (Zoller & Ben-Chaim, 1988). Kerisauan juga timbul disebabkan oleh perasaan seseorang individu bahawa kecukupan dan keselamatan mereka berasa seperti terancam (Sinclair & Kemmis, 1974). Menurut Thomas (2006) kerisauan terhadap pengajaran akan menyebabkan guru-guru kekurangan kreativiti di dalam perancangan pengajaran mereka dan tidak mengaplikasikan kaedah itu di dalam pengajaran mereka. Menurut Sinclair dan Nicoll (1980) keberkesanan profesional guru akan terganggu apabila timbul kerisauan terhadap pengajaran dan perubahan tingkah laku di dalam kelas, sebagai contoh apabila timbul kerisauan terhadap pengajaran maka boleh wujud situasi di mana guru akan meninggalkan pelajaran yang telah dirancang.

Menurut Whittaker (2004) kerisauan guru adalah satu sifat yang semulajadi di dalam diri seseorang untuk menjadi guru yang berkesan. Ini juga menggambarkan bahawa kerisauan yang minimum akan boleh juga menjadi positif. Bernard dan Goodyear (1998) menyatakan bahawa kini kerisauan sedang berleluasa terutamanya di kalangan penyelia dan orang yang diselia. Kerisauan terhadap penyeliaan boleh muncul disebabkan oleh pelbagai sumber dan cara yang berbeza. Kerisauan terhadap penyeliaan boleh wujud disebabkan oleh pelbagai faktor seperti kematangan penyelia, pengalaman guru, hubungan dengan penyelia dan sebagainya. Mereka juga ada menyatakan bahawa apabila seseorang guru mempunyai tahap kerisauan yang tinggi ianya boleh menjadi teruk semasa penyeliaan dijalankan dan terhadap prestasi kerja mereka.

Wang dan Dajun (2012) menyatakan bahawa, guru-guru di sekolah menengah dan sekolah rendah kini terpaksa menghadapi pelbagai cabaran kerana muncul pembaharuan di dalam pendidikan dan juga dari segi sosial. Namun begitu, guru-guru juga terpaksa menghadapi pelbagai jenis tekanan daripada pihak luar seperti institusi pendidikan, pelajar, ibu bapa dan tidak lupa masyarakat. Ingin menjelaskan bahawa tekanan yang tinggi tidak boleh dihindari dan ini akan mengakibatkan mereka berasa keliru dan seterusnya berasa risau. Kerisauan ini akan seterusnya menjejaskan produktiviti, menjejaskan kesihatan tubuh badan dan kualiti hidup. Oleh yang demikian, kerisauan guru-guru di sekolah tidak kira sekolah rendah atau sekolah menengah harus diberi perhatian supaya tidak wujud masalah yang lebih serius dan untuk menghadapi perubahan dalam sistem pendidikan.

### **Sorotan Literatur**

Terdapat beberapa model dan teori yang boleh dikaitkan dengan kerisauan guru terhadap penyeliaan pengajaran.

#### **Model Tiga Aras ( Fuller's Model of Teacher's Concern )**

Pada tahun 1969, Fuller menjalankan satu siri temuramah dan kajian penyelidikan untuk menyatakan konsep kerisauan guru. Beliau mengenal pasti tiga peringkat kerisauan guru merentasi masa iaitu:- (1) Kerisauan mengenai diri atau kecukupan pengajaran dan survival ; (2) Kerisauan mengenai tugas pengajaran dan pengurusan; dan (3) Kerisauan tentang kesan iaitu pembelajaran pelajar. Penyelidikan oleh Fuller (1969) mengenai Model Tiga Aras menerangkan bahawa kebimbangan atau kerisauan guru adalah berkaitan dengan konsep sendiri, konsep tugas dan konsep impak atau dikenali sebagai kesan. Di bawah kerisauan mengenai sendiri ianya akan dikaji dari segi sifat-sifat peribadi, disiplin dalam pengurusan kelas dan penyesuaian diri. Manakala dua lagi adalah berkaitan dengan kerisauan tentang pengurusan yang melibatkan tugas-tugas seperti kaedah, dan strategi mengajar dan segala urusan berkaitan dengan keperluan pelajar-pelajar istimewa. Menurut Locke (1997), persediaan guru dapat ditingkatkan apabila penumpuan diberikan kepada jenis-jenis kerisauan yang dihadapi oleh guru. Kenyataan di atas turut disokong oleh Doebler & Roberson (1989) bahawa peluang untuk berjaya akan timbul jikalau segala masalah yang dihadapi oleh guru dapat dikenalpasti, begitu juga dengan faktor yang menyebabkannya maka peluang untuk menghapuskan masalah tersebut adalah lebih baik.

Penyelidikan lanjutan oleh Fuller membuka jalan untuk ramai penyelidik yang lain untuk terus menyelidik mengenai perkembangan dan dinamik pembelajaran guru yang berada dalam dua kategori iaitu tidak mengambil kira guru yang baru dalam perkhidmatan atau yang telah lama berkhidmat atau sejak empat dekad yang lalu (Watzke, 2007). Keprihatinan beliau telah

mewujudkan model yang berfokus kepada pengalaman seseorang guru dan ini telah memberi pengaruh yang sangat besar ke atas penyelidikan yang mengkaji aspek pembangunan guru secara profesional. Berdasarkan kajian Fuller juga selanjutnya mengemukakan bahawa kerisauan guru boleh dinilai dari konteks khusus, sekali gus konteks yang berbeza dan boleh menimbulkan kerisauan yang berbeza.

### **Kerisauan Mengenai Diri / Kendiri**

Peringkat pertama dalam proses pembangunan adalah berkenaan dengan diri atau kendiri. Tema yang sesuai dalam menggambarkan kerisauan jenis ini adalah disiplin dalam pengurusan bilik darjah, pelarasan peribadi dan institusi, dan ciri-ciri peribadi. Pada peringkat ini, penyelidik mengenal pasti bahawa ramai guru, guru-guru baru khususnya, mempunyai dua jenis kerisauan (Conway & Clark, 2003). Jenis kerisauan yang pertama guru biasanya mengalami adalah berkaitan dengan kecukupan pengalaman mengajar yang melibatkan persediaan, pengetahuan akan sumber, kaedah menyampaikan sesuatu perkara dan penilaian pembelajaran.

Jenis kerisauan kedua berkaitan dengan kerisauan mereka pada peringkat awal pengajaran seperti menangani beberapa hari pertama di sekolah, penyimpanan rekod, dan penggunaan peralatan. Jelas sekali, kerisauan di peringkat ini adalah berorientasikan terhadap diri sendiri. Apa yang mencetuskan kerisauan diri ini adalah berorientasikan guru adalah ketidakpastian bagaimana pengetahuan, kemahiran, persediaan, dan kelangsungan kehidupan boleh disesuaikan secara lancar dengan pengajaran yang sebenar. Secara umum, kerisauan diri melibatkan soalan-soalan seperti ini: “Apakah?, Bagaimanakah ia akan memberi kesan kepada saya?, dan Kesempurnaan diri saya?”.

### **Kerisauan Mengenai Tugas**

Jenis kerisauan yang kedua ini adalah yang berkaitan dengan tugas. Terutama sekali, kerisauan berkaitan dengan tugas, bahan, kaedah, pengurusan bilik darjah, bilangan pelajar dan strategi penilaian yang perlu ditangani dengan betul dalam pelbagai situasi pengajaran (Fuller, 1969). Kerisauan yang berkaitan dengan tugas melibatkan soalan-soalan seperti: “Adakah saya mampu mengajar persamaan ini dengan berkesan?” atau “Bolehkah saya menguruskan 30 orang pelajar di dalam kelas saya?”. Pada peringkat kedua ini juga melibatkan pengurusan tugas-tugas yang berkaitan dengan pengajaran. Tema-tema yang selebihnya adalah kaedah pengajaran, dan strateginya. Selain itu, bekerja dengan pelajar keperluan khas, adalah dalam peringkat ini juga. Merancang dan menggunakan pelbagai strategi pengajaran dan bekerja dengan keperluan semasa supaya kedua-duanya adalah sebahagian daripada proses memenuhi keperluan pelajar di dalam menerokai pelbagai alternatif pengajaran dan menjalankan tugas pengajaran.

### **Kerisauan Mengenai Kesan**

Pada peringkat ini, kerisauan guru beralih dari kehidupan seseorang guru kepada keperluan pelajar mereka. Dalam erti kata lain, guru-guru risau tentang ketidakupayaan mereka untuk mendapatkan sokongan emosi dari pelajar di peringkat ini (Fuller, 1969; Watzke, 2007). Fuller menjelaskan bahawa “kerisauan yang tertentu apabila diperhatikan adalah kerisauan tentang keupayaan untuk memahami kapasiti pelajar, untuk menentukan objektif untuk mereka, untuk menilai keuntungan murid, dan untuk menilai diri sendiri dari segi keuntungan murid”. Jelas impak kerisauan ini adalah tentang keperluan murid bukan keperluan guru seperti yang dijelaskan dalam fasa diri dan fasa tugas.

Akhir kata, Fuller mendapati bahawa guru-guru yang telah menyelesaikan atau dapat menghadapi kerisauan mereka tentang diri sendiri dan tugas mereka menjadi risau tentang kesan mereka terhadap pelajar. Ini adalah kerana mereka risau tentang sama ada pelajar telah mendapat persediaan yang mencukupi untuk menjadi seseorang individu yang berguna dalam masyarakat selepas tamat pengajian. Guru kini risau tentang pelajar dan keperluan pembelajaran individu.

### **Objektif Kajian**

Secara umumnya kajian ini adalah untuk mengkaji kerisauan guru-guru terhadap penyediaan pengajaran yang dijalankan di dalam kelas.

Objektif khusus kajian ini dijalankan adalah untuk :

- i) Menentukan kerisauan guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dijalankan di Sekolah Menengah.
- ii) Membandingkan kerisauan guru terhadap penyeliaan pengajaran berdasarkan faktor demografi iaitu jantina.
- iii) Membandingkan kerisauan guru terhadap penyeliaan pengajaran berdasarkan faktor demografi iaitu pengalaman mengajar.
- iv) Membandingkan kerisauan guru terhadap penyeliaan pengajaran berdasarkan faktor demografi iaitu bidang pengajaran.
- v) Membandingkan kerisauan guru terhadap penyeliaan pengajaran berdasarkan faktor demografi iaitu etnik.

### **Metodologi**

Kajian ini merupakan kajian tinjauan atau *survey* yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Sampel kajian dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak. Responden yang telah mengisi maklumat secara sukarela dan sejumlah 250 orang guru-guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Zon Bangsar, Kuala Lumpur telah dipilih untuk melaksanakan kajian ini. Borang soal selidik dalam kajian ini telah dibahagikan kepada bahagian A dan bahagian B. Bahagian A di dalam borang soal selidik mengandungi item berkaitan dengan faktor demografi yang bertujuan untuk mendapatkan latar belakang untuk subjek kajian. Soalan-soalan adalah terdiri daripada jantina, bangsa, bidang pengajaran, pengalaman mengajar dan kekerapan diselia dalam tempoh setahun. Para responden dikehendaki untuk menandakan (✓) pada ruangan yang disediakan.

Di dalam bahagian B ianya mengandungi item kajian yang berkaitan dengan kerisauan guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dijalankan terhadap responden kajian atau ianya lebih diketahui sebagai pencerapan yang dijalankan oleh penyelia di dalam kelas dalam tempoh setahun dan berdasarkan “Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1987 yang merupakan arahan pelaksanaan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran oleh pengetua” terhadap semua guru dibawahnya. Jumlah soalan atau item di dalam bahagian B adalah 40 item.

Responden diminta untuk menandakan darjah persetujuan pada skala berbentuk likert. Setiap item menggunakan 5-mata Skala Likert, iaitu dalam bentuk; (1) Sangat Tidak Setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Kurang Setuju, (4) Setuju dan (5) Sangat Setuju. Penyusunan setiap item dalam bahagian ini menggunakan kombinasi item negatif dan positif, walau bagaimanapun semasa pengkodan dilakukan maka setiap item negatif akan dikod semula secara terbalik (reverse coded) iaitu seperti (1) Sangat Setuju, (2) Setuju, (3) Kurang Setuju, (4) Tidak Setuju dan (5) Sangat Tidak Setuju.

### **Dapatan dan Perbincangan Maklumat demografi**

Taburan kekerapan bilangan responden yang terlibat di dalam kajian ini berjumlah sebanyak 250 responden yang terdiri daripada 74 responden lelaki iaitu (29.6%) dan ini diikuti oleh 176 responden perempuan iaitu (70.4%). Bangsa responden, didapati analisis data menunjukkan 130 (52%) dari bilangan responden adalah berbangsa Melayu, ini diikuti oleh 78 (31.2%) adalah responden Cina, manakala bagi responden India adalah 42 (16.8%). Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa kebanyakan responden kajian adalah berbangsa Melayu iaitu 130 (52%) dan jumlah responden yang sedikit adalah responden berbangsa India iaitu 42 (16.8%).

Berdasarkan bidang pengajaran, didapati seramai 75 (30%) daripada guru-guru mengajar di dalam bidang Sains dan Matematik, ini diikuti oleh 74 (29.6%) mengajar di dalam bidang Bahasa, seterusnya bilangan responden yang mengajar Sivik dan Kemanusiaan adalah 70 (28%) dan akhir sekali bagi bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional didapati terdapat sebanyak 31 (12.4%) responden. Ini menunjukkan bilangan tertinggi sebanyak 75 (30%) di dalam bidang Sains dan Matematik. Selain itu, bidang Bahasa juga menunjukkan peratus yang lebih kurang sama iaitu 74 (29.6%). Bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional menunjukkan peratus yang paling rendah 31 (12.4%) sahaja.

Dari segi pengalaman mengajar, mendapati bilangan responden bagi guru-guru yang mengajar kurang dari 5 tahun ialah 56 (22.4%), seterusnya bagi guru-guru yang mengajar 5

hingga 10 tahun ialah 65 (26%), pengalaman 11 hingga 15 tahun ialah 41 (16.4%), 16 hingga 20 tahun ialah 41 (16.4%) dan akhir sekali lebih daripada 21 tahun pengalaman mengajar adalah 47 (18.8%). Analisis data di atas menunjukkan bahawa bilangan responden yang paling tinggi adalah dalam lingkungan 5 hingga 10 tahun iaitu 65 (26%). Manakala, bagi guru-guru yang mengajar 11 hingga 15 tahun ialah 41 (16.4%) dan 16 hingga 20 tahun menunjukkan 41 (16.4%) juga dan ini menunjukkan jumlah data yang sama.

Dari sudut kekerapan diselia dalam tempoh setahun, mendapati bilangan responden yang diselia 3 kali dalam setahun adalah sebanyak 34 (13.6%) responden, manakala bagi responden yang diselia 2 kali setahun adalah sebanyak 65 (26%), ini diikuti oleh bilangan responden yang diselia cuma 1 kali setahun adalah 151 (60.4%) dan akhir sekali bagi bilangan responden yang tidak pernah diselia adalah 0 (0%) dari bilangan responden.

Jadual 1-Maklumat Demografi Responden

		n	Frekuensi (%)
<b>Jantina</b>	Lelaki	74	29.6
	Perempuan	176	70.4
<b>Bangsa</b>	Melayu	130	52.0
	Cina	78	31.2
	India	42	16.8
<b>Bidang Pengajaran</b>	Sains & Matematik	75	30.0
	Bahasa	74	29.6
	Sivik & Kemanusiaan	70	28.0
	Pendidikan Teknik & Vokasional	31	12.4
<b>Pengalaman Mengajar</b>	Kurang 5 tahun	56	22.4
	6 hingga 10 tahun	65	26.0
	11 hingga 15 tahun	41	16.4
	16 hingga 20 tahun	41	16.4
	Lebih daripada 21 tahun	47	18.8
<b>Kekerapan Diselia</b>	3 Kali	34	13.6
	2 Kali	65	26.0
	1 Kali	151	60.4
	Tidak Pernah	0	0

### Kerisauan Guru Terhadap Penyeliaan Pengajaran

Jadual 2 menunjukkan tahap kerisauan guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dijalankan di kalangan guru-guru Sekolah Menengah Kebangsaan. Ianya dianalisis mengikut pendekatan model tiga aras Fuller yang berdasarkan kepada tiga jenis kerisauan utama yang dapat mengkaji kerisauan. Hasil daripada analisis yang diperolehi mendapati tahap kerisauan guru terhadap penyeliaan pengajaran di kalangan guru di Sekolah Menengah Kebangsaan adalah berada pada tahap yang sederhana (Min = 3.04, S.P = .68). Hasil kajian menunjukkan skor min yang paling tinggi menyatakan bahawa kehadiran penyelia semasa proses pengajaran dan pembelajaran menimbulkan perasaan kurang selesa kepada diri responden iaitu skor min = 3.56 dan (S.P = 1.14) dan ini menunjukkan bahawa kebanyakan guru-guru di Malaysia berasa cukup risau apabila pengajaran dan pembelajaran (P&P) mereka diperhatikan. Skor min yang paling rendah 2.10 dan (S.P = 1.01) yang menjelaskan bahawa ada juga kebanyakan guru-guru tidak

begitu bersetuju bahawa mereka mempunyai kecekapan di dalam bilik darjah seperti guru-guru yang lain.

Kerisauan guru dikaji dari tiga aspek yang paling penting iaitu kerisauan mengenai kecukupan pengajaran atau keprihatinan mengenai diri, kerisauan mengenai tugas pengajaran dan kerisauan tentang pembelajaran pelajar atau juga dikenali sebagai kerisauan tentang kesan. Hasil kajian bagi mengetahui kerisauan mengenai diri menunjukkan hasil kajian dengan skor (Min = 3.04, S.P = .70) dan kerisauan mengenai diri adalah pada tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa penyeliaan pengajaran yang dijalankan oleh penyelia di dalam kelas menyebabkan responden berasa cemas atau risau dan ini mengganggu pengajaran responden di dalam kelas.

Hasil kajian bagi mengetahui kerisauan mengenai tugas pengajaran menunjukkan ianya berada pada tahap yang sederhana (Min = 3.12, S.P = .69) dan ini menunjukkan bahawa proses pengajaran guru di dalam kelas akan terganggu dan ini akan menimbulkan perasaan kurang selesa kepada responden apabila mereka sedar akan kehadiran penyelia di dalam kelas. Selain itu, hasil dapatan kajian mengenai kerisauan mengenai kesan atau pembelajaran pelajar menunjukkan ianya berada pada tahap yang sederhana juga (Min = 2.94, S.P = .80). Ianya menunjukkan bahawa responden berasa risau tentang kemampuan mereka untuk membuat pelajar-pelajar berminat semasa pengajaran dan pembelajaran berjalan ketika penyeliaan sedang dijalankan dan responden sedang diperhatikan oleh penyelia di belakang bilik darjah.

Jadual 2: Taburan Kerisauan Guru Terhadap Penyeliaan Pengajaran Dalam Bilik Darjah

Kerisauan Terhadap Penyeliaan Pengajaran	Skor	Sisihan Skala	
		Min	Piawai Tahap
Kerisauan Mengenai Diri	3.04	0.70	Sederhana
Kerisauan Mengenai Tugas	3.12	0.69	Sederhana
Kerisauan Mengenai Kesan	2.94	0.80	Sederhana
Keseluruhan	3.04	0.68	Sederhana

Jadual 3- Min dan Sisihan Piawai Sikap Guru Terhadap Penyeliaan Pengajaran Dalam Bilik Darjah

Pernyataan	Min	s.p
Saya rasa saya ada kecekapan di dalam bilik darjah seperti guru lain	2.10	1.01
Saya rasa pasti atau yakin tentang pengajaran saya	2.29	1.12
Saya berasa risau akan kecekapan pengajaran saya apabila ditegur oleh penyelia	3.34	1.14
Saya berasa lebih bersedia untuk pengajaran daripada guru lain	2.35	0.98
Saya berasa yakin tentang keupayaan saya untuk memperbaiki kelemahan dalam kelas saya	2.29	0.99
Saya bimbang adakah saya (boleh menjadi ) seorang guru yang berkesan	3.26	1.21
Saya akan berasa bimbang jika penyelia memberitahu saya dia akan datang ke kelas untuk menyelia saya	3.44	1.17
Saya menghabiskan jumlah masa yang berlebihan menyediakan pengajaran kerana saya bimbang tentang bagaimana ianya akan berjalan	3.50	1.05
Saya yakin di dalam memenuhi keperluan pelajar di dalam kelas	2.38	0.97
Saya bimbang kemungkinan saya terlupa untuk melakukan perkara-perkara yang saya telah rancang untuk pengajaran	3.49	1.11
Saya berasa yakin dengan mengambil kira keupayaan untuk menjaga kelas di bawah kawalan saya	2.13	0.86
Saya bimbang bahawa penyelia mungkin menganggap kaedah pengajaran saya sebagai tidak berkesan	3.40	1.12
Saya bimbang bahawa pemahaman saya mengenai subjek	3.28	1.24



pengajaran saya tidak mencukupi		
Menentukan bagaimana untuk menyampaikan maklumat di dalam kelas membuatkan saya berasa tidak menentu	3.24	1.23
Saya berasa tenang apabila saya menyediakan pengajaran untuk penyeliaan	2.62	1.10
Saya berasa cemas apabila saya berfikir tentang perjumpaan dengan penyelia selepas penyeliaan	3.39	1.14
Saya risau bahawa sikap penyelia dan pendapatnya berbeza dengan saya	3.45	1.13
Saya risau bahawa terdapat pertembungan personaliti antara penyelia dan diri saya	3.39	1.15
Saya berasa bimbang tentang hubungan dengan penyelia kerana kuasa beliau dalam membuat penilaian pengajaran saya	3.41	1.15
Saya risau tentang penyelia menilai keupayaan saya untuk mengawal kelas	3.33	1.19
Saya berasa gelisah apabila saya sedang diperhatikan oleh penyelia saya	3.41	1.15
Saya berasa panik apabila seseorang pelajar bertanya soalan dan saya tidak boleh menjawab	3.06	1.28
Jika saya mempunyai masalah menjawab soalan seorang pelajar, saya mendapati sukar untuk menumpukan perhatian kepada soalan-soalan yang berikutnya	3.07	1.24
Saya mendapati ia mudah untuk mengakui kepada kelas bahawa saya tidak tahu jawapan kepada soalan yang ditanya oleh pelajar	3.25	1.26
Saya bimbang tentang tidak menyediakan bahan-bahan pengajaran yang cukup untuk menampung sepenuh masa pengajaran ketika penyeliaan	3.24	1.18
Saya berasa yakin dengan kebolehan saya membaiki kesilapan atau kelemahan saya di dalam kelas	2.44	1.03
Saya bimbang bahawa pemahaman saya terhadap subjek pengajaran tidak mencukupi	3.28	1.21
Saya mendapati diri saya berbaring terjaga pada waktu malam bimbang tentang pelajaran semasa penyeliaan	3.07	1.32
Saya akan berasa tenang apabila penyelia memperhatikan pengajaran saya di dalam kelas	2.94	1.16
Saya berasa tidak selesa apabila saya berucap/ bercakap di hadapan penyelia	3.28	1.15
Kurangnya hubungan baik dengan pelajar-pelajar saya adalah salah satu kebimbangan terbesar saya	3.19	1.30
Saya bimbang tentang tidak mampu menarik minat pelajar semasa penyeliaan berlaku	3.26	1.21
Saya yakin bahawa pelajar akan mengikuti arahan saya	2.46	1.21
Saya ada keyakinan dalam bilik darjah seperti guru-guru lain	2.29	1.11
Saya risau bahawa penyelia mungkin menolak cara saya mendisiplin pelajar ketika penyeliaan	3.31	1.15
Saya bimbang tentang bagaimana penyelia boleh melihat keupayaan saya untuk mengekalkan disiplin di dalam bilik darjah	3.41	1.17
Saya yakin pelajar akan memahami bahan-bahan pengajaran	2.49	1.18
Saya bimbang tentang kemampuan saya untuk membuat pelajar-pelajar berminat semasa pengajaran berlaku	3.31	1.08
Kehadiran penyelia semasa proses pengajaran dan pembelajaran menimbulkan perasaan kurang selesa kepada saya	3.56	1.14
Penyeliaan pengajaran oleh penyelia dalam kelas menyebabkan saya berasa cemas atau risau dan mengganggu pengajaran saya	3.46	1.16

Jadual 4 menunjukkan hasil dapatan ujian t dan Anova sehalu untuk menentukan perbezaan antara kerisauan guru terhadap penyeliaan pengajaran antara guru berlainan jantina, pengalaman mengajar, bidang pengajaran dan etnik. Hasil ujian t menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara kerisauan guru terhadap penyeliaan pengajaran antara jantina iaitu guru lelaki dan perempuan ( $t=4.723$ ,  $p<0.000$ ). Dari segi pengalaman mengajar pula, hasil ujian Anova sehalu menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan iaitu ujian ANOVA sehalu menunjukkan min skor kerisauan guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dijalankan di kelas berdasarkan lima jenis pengalaman mengajar adalah signifikan,  $F(4, 245) = 10.666$ ,  $p < .0001$ . Berdasarkan Jadual 4 nilai 'p' yang diperolehi adalah .000, manakala aras kesignifikan yang telah ditetapkan ialah 0.05 (5%). Nilai 'p' ini adalah sangat kurang daripada aras kesignifikan yang telah ditetapkan. Oleh itu, kajian mendapati ada perbezaan yang signifikan antara kerisauan guru terhadap penyeliaan pengajaran dan pengalaman mengajar guru.

Oleh disebabkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kerisauan guru terhadap penyeliaan pengajaran dan pengalaman mengajar guru, maka ujian "Post Hoc" telah dijalankan untuk meneliti pengalaman mengajar yang mana lebih tinggi dan rendah. Untuk mengetahuinya dengan lebih lanjut ujian Tukey HSD telah dijalankan untuk mengetahui keputusan yang lebih teliti. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kerisauan terhadap penyeliaan pengajaran dengan pengalaman mengajar bagi pengalaman mengajar kurang 5 tahun dengan pengalaman mengajar 5 hingga 10 tahun iaitu (beza min = 0.3413, sig = .028), pengalaman mengajar kurang 5 tahun dengan 11 hingga 15 tahun mengajar iaitu (beza min = 0.5294, sig = .010), pengalaman mengajar kurang 5 tahun dengan 16 hingga 20 tahun mengajar iaitu (beza min = 0.5607, sig = .000), pengalaman mengajar kurang 5 tahun dengan pengalaman lebih daripada 21 tahun iaitu (beza min = 0.7756, sig = .000). Selain itu, terdapat juga perbezaan yang signifikan bagi pengalaman mengajar 5 hingga 10 tahun dengan pengalaman mengajar lebih daripada 21 tahun iaitu (beza min = 0.4343, sig = .004).

Hasil ujian Anova sehalu bagi bidang pengajaran menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru yang mengajar bidang masing-masing ( $F=1.757$ ,  $p=.156$ ). Hasil ujian Anova sehalu bagi etnik pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan iaitu ( $F=0.010$ ,  $p=.990$ ). Secara umumnya, dapatan ini menunjukkan bahawa faktor jantina dan pengalaman mengajar memainkan peranan yang penting dalam menentukan kerisauan guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dijalankan di dalam bilik darjah.

Hasil kajian mengenai kerisauan guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Zon Bangsar menunjukkan bahawa kerisauan guru terhadap penyeliaan pengajaran adalah pada tahap yang sederhana di mana ianya mendapat hasil kajian dengan nilai skor min = 3.04, S.P = .68. Bagi melihat kerisauan guru berdasarkan jantina ianya menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antaranya. Ianya jelas menunjukkan bahawa responden lelaki menunjukkan nilai min yang sederhana iaitu 3.37 dan responden perempuan mendapat nilai min 2.91. Ini menunjukkan bahawa responden lelaki menunjukkan tahap kerisauan yang lebih tinggi berbanding responden perempuan dan ianya cukup mengejutkan dan terdapat pelbagai faktor kemungkinan menyebabkan responden lelaki lebih risau berbanding responden perempuan. Faktor-faktornya adalah seperti tiada persediaan, sifat semulajadi yang mengambil tahu akan setiap perkara sebagai remeh dan sebagainya. Oleh itu, apabila penyeliaan dilakukan secara tiba-tiba mereka berasa risau dan bimbang.

Namun begitu, dapatan kajian daripada Thompson (1983) menunjukkan bahawa responden wanita menunjukkan tahap kerisauan yang lebih tinggi daripada responden lelaki apabila pengajaran mereka diperhatikan dan dinilai oleh penyelia. Kajian ada juga menyatakan bahawa guru berasa risau dari segi persediaan, hubungan mereka dengan kakitangan sekolah, dan kawalan sekolah. Kajian ini menunjukkan bahawa guru yang risau sering skor lebih rendah daripada guru yang tidak risau mencadangkan bahawa kerisauan mempunyai kesan yang negatif terhadap prestasi pengajaran mereka (Capel; Mandzuk & Hasinoff, 2010).

Kerisauan terhadap penyeliaan pengajaran dibahagikan kepada tiga faktor yang utama iaitu yang pertama kerisauan mengenai kecukupan pengajaran atau lebih dikenali sebagai kerisauan atau keprihatinan mengenai diri, seterusnya kerisauan atau keprihatinan mengenai tugas dan akhir sekali kerisauan mengenai pembelajaran pelajar atau lebih dikenali sebagai kerisauan atau keprihatinan tentang kesan. Hasil kajian terhadap ketiga-tiga faktor di atas menunjukkan

ianya berada pada tahap yang sederhana. Faktor pertama iaitu kerisauan mengenai diri menunjukkan nilai min 3.04, faktor kedua iaitu kerisauan mengenai tugas menunjukkan nilai min 3.12 dan akhir sekali faktor ketiga iaitu kerisauan terhadap kesan atau pembelajaran pelajar menunjukkan nilai min 2.94.

Dapatan kajian daripada kerisauan terhadap kesan atau pembelajaran pelajar disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Watzke (2007) yang menunjukkan bahawa kerisauan terhadap keupayaan untuk memahami kapasiti murid, untuk menentukan objektif untuk mereka, untuk menilai keuntungan mereka, untuk menilai sumbangan seseorang terhadap kesukaran dan keuntungan murid, dan untuk menilai diri sendiri dari segi keuntungan murid.

Kajian terhadap kerisauan guru terhadap diri atau sendiri menunjukkan kerisauan yang sederhana dan dapatan kajian ini disokong oleh dapatan kajian (Conway & Clark, 2003; Van Den Berg, 2002) menunjukkan bahawa guru-guru mempunyai kerisauan dari segi pengalaman untuk mengajar yang melibatkan persediaan, pengetahuan akan sumber, kaedah menyampaikan sesuatu perkara dan penilaian akan pembelajaran. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa kerisauan terhadap diri tercetus berorientasikan guru adalah ketidakpastian bagaimana pengetahuan, kemahiran, persediaan, dan kelangsungan kehidupan boleh disesuaikan secara lancar dengan pengajaran yang sebenar.

Hasil kajian mengenai kerisauan guru terhadap tugas pula menunjukkan kerisauan yang sederhana dan pernyataan ini disokong oleh Boz (2009) yang menunjukkan bahawa guru-guru berasa risau dari segi kaedah dan strategi pengajaran, merancang dan menggunakan pelbagai strategi pengajaran dan bekerja dengan keperluan pelajar. Keseluruhannya kajian yang dijalankan oleh Ameen, Guffey dan Jackson (2002) menunjukkan bahawa kerisauan yang seterusnya memberi kesan-kesan negatif ke atas guru, kerja yang tidak menyenangkan dan situasi kerjaya, kesukaran dalam menjawab soalan-soalan pelajar, menggunakan tingkah laku pengelakkan atau langkah-langkah pertahanan dalam pengajaran dan kerisauan.

Jadual 4- Analisis Perbezaan Sikap Guru Terhadap Penyeliaan Pengajaran Antara Jantina, Pengalaman Mengajar, Bidang Pengajaran dan Etnik

Ujian t/Ujian Anova Sehalu	N	min	s.p	t/F	Sig-t/p
<b>Jantina</b>					
Lelaki	74	3.37	0.72	4.723	.000
Perempuan	176	2.91	0.61		
<b>Pengalaman Mengajar</b>					
< 5 tahun	56	3.45	0.74	10.666	.000
5 hingga 10	65	3.11	0.62		
11 hingga 15	41	2.93	0.64		
16 hingga 20	41	2.90	0.53		
>21 tahun	47	2.68	0.56		
<b>Bidang Pengajaran</b>					
Sains & Matematik	75	2.93	0.65	1.757	.156
Bahasa	74	3.03	0.75		
Sivik & Kemanusiaan	70	3.12	0.66		
Pendidikan Teknik & Vokasional	31	3.22	0.59		
<b>Etnik</b>					
Melayu	130	3.06	0.65	0.010	.990
Cina	78	3.07	0.73		
India	42	3.05	0.71		

Signifikan pada aras 0.05

## Cadangan

Memandangkan kerisauan terhadap penyeliaan pengajaran adalah pada tahap yang sederhana, maka kajian mengenai kerisauan terhadap penyeliaan pengajaran boleh dijalankan dari segi perbandingan di antara sekolah swasta dan sekolah menengah kebangsaan; sekolah cemerlang dan sekolah bukan cemerlang; sekolah menengah agama dan sekolah menengah kebangsaan; sekolah menengah kebangsaan dan sekolah menengah jenis kebangsaan. Maklumat daripada perbandingan yang dijalankan terhadap jenis-jenis sekolah seperti di atas bolehlah digunakan untuk merancang dan membuat penambahbaikan terhadap penyeliaan pengajaran bagi melaksanakannya pada masa akan datang. Perbandingan juga boleh dilakukan terhadap sekolah modal dan sekolah bantuan penuh.

Kajian yang dijalankan ini adalah terhadap guru-guru yang bertugas di kawasan bandar, oleh itu, diharap kajian dapat dilanjutkan kepada guru-guru yang bertugas di kawasan atau daerah luar bandar dan perbandingan juga boleh dilakukan untuk melihat persepsi mereka dan tahap kerisauan mereka. Kajian ini juga boleh dijalankan untuk membuat pengukuran dan tinjauan akan penguasaan oleh penyelia terhadap penyeliaan klinikal, sifat professional mereka, kemahiran teknikal dan interpersonal yang dimiliki oleh mereka. Maklumat dari kajian boleh digunakan untuk merancang tindakan dan cara yang paling tepat dan sistematik bagi pihak-pihak yang terlibat. Selain itu, memandangkan kebanyakan kajian yang dijalankan adalah menggunakan kaedah kuantitatif, maka diharap kajian-kajian yang akan dilakukan pada masa akan datang boleh dijalankan menggunakan kaedah kualitatif.

Secara keseluruhan dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa kerisauan guru terhadap penyeliaan pengajaran adalah pada tahap sederhana. Harus diwujudkan kesedaran kepada guru-guru lelaki terutamanya dan guru perempuan akan pentingnya penyeliaan pengajaran yang dijalankan dengan memberikan kursus yang lebih mendalam akan kepentingannya. Dalam mengurangkan kerisauan guru terhadap penyeliaan pengajaran maka dicadangkan pihak sekolah, pejabat pelajaran daerah atau pejabat pelajaran negeri menganjurkan kursus-kursus yang berkaitan penyeliaan pengajaran. Kursus-kursus ini dijangkakan akan dapat meningkatkan kefahaman lebih mendalam untuk guru-guru terutamanya kepentingan penyeliaan pengajaran yang dijalankan di dalam kelas.

Kajian ini mendapati bahawa kerisauan guru terhadap penyeliaan pengajaran berada pada tahap yang sederhana positif, oleh itu, kajian ini boleh dilakukan kepada sampel yang lebih besar dan boleh juga dilakukan perbandingan di antara guru-guru sekolah menengah dan rendah; sekolah kerajaan dan sekolah swasta; pelajar-pelajar yang menghadiri sekolah harian dan sekolah berasrama penuh dan selanjutnya.

Latihan yang diterima di peringkat universiti atau maktab perguruan mungkin tidak sama apabila seseorang guru berhadapan dengan situasi sebenar. Disamping itu juga dicadangkan pihak KPM, JPN dan PPD melakukan pemeriksaan pemantauan ke atas proses penyeliaan pengajaran di sekolah dari masa ke semasa. Dengan ini, sebarang kelemahan dapat dikenalpasti dan dibuat penambahbaikan. Selain itu, dicadangkan juga pihak KPM mengambil inisiatif dan tindakan sewajarnya dalam menyediakan satu jawatankuasa yang dapat memastikan penyeliaan pengajaran dijalankan dengan adil dan saksama di semua sekolah.

Kajian yang dijalankan ini diharap tidak akan memberi tumpuan kepada guru-guru sahaja malahan kajian juga boleh dijalankan terhadap penyelia-penyelia yang menjalankan penyeliaan pengajaran. Selain itu, oleh kerana kajian ini cuma tertumpu atau mewakili Sekolah Menengah Kebangsaan Zon Bangsar sahaja maka kajian lain juga boleh dijalankan dengan lebih luas lagi dengan merangkumi zon-zon lain seperti Zon Pudu, Zon Keramat, Zon Sentul dan sebagainya. Perbandingan juga boleh dijalankan di antara zon-zon tersebut. Ianya adalah bertujuan untuk memberikan gambaran yang luas mengenai sikap dan persepsi guru serta kerisauan mereka.

## Kesimpulan

Harus wujud di dalam fikiran dan jiwa pendidik bahawa penyeliaan sangat penting untuk perkembangan kaedah pengajaran dan pembelajaran mereka serta meningkatkan mutu pengajaran mereka. Selain itu, penambahbaikan terhadap penyeliaan harus sentiasa dilakukan dari masa ke semasa dan mengikut peredaran masa. Ini adalah kerana kita kini berada di abad ke-21, oleh itu harus dipastikan segala arahan pelaksanaannya adalah mengikut peredaran masa dan harus dibuat

penyemakan yang lebih teliti dan terperinci pada masa akan datang supaya penyeliaan pengajaran ini menjadi kriteria yang paling penting untuk seseorang guru dinilai di dalam bilik darjah di sekolah mereka. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013 – 2025) dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1987 haruslah menjadi panduan untuk menjayakan penyeliaan pengajaran di sekolah.

### Rujukan

- Acheson, K. A., & Gall, M. D. (2003). *Clinical supervision and teacher development: preservice and inservice applications* (5th ed.). NY: John Wiley & Sons, Inc.
- Ameen, E.C., Guffey, D.M., & Jackson, C. (2002). Evidence of teaching anxiety among accounting educators. *Journals of Education for Business*, 78(/), 16-22.
- Amy, B. M. Tsui. (1995). Exploring Collaborative Supervision in Inservice Teacher Education: *The University of Hong Kong. Journal of Curriculum and Supervision Summer 1995, Vol 10, 10, No. 4, 346-371.*
- Azizah, Mick Cooper, Robert Elliott and Brian Rodgers. (2006). *Therapists' experience of hindering factors and unhelpful effects of using person-centred creative practices*. University of Strathclyde, Glasgow / Northern University of Malaysia: Counselling Unit, School of Psychological Health and Sciences, University of Strathclyde, 76 South Brae Drive, Glasgow G13 1PP.
- Bernard, J. M., & Goodyear, R. K. (1998). *Fundamentals of clinical supervision* (2nd ed.). Needham Heights, MA: Allyn & Bacon.
- Bernard, J. M., & Goodyear, R. K. (2009). *Fundamentals of clinical supervision* (4<sup>th</sup> ed). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education, Inc.
- Capel, S.A. (1997). Changes in students' anxieties and concerns after their first and second teaching practices. *Educational Research*, 39, 211-228.
- Cassady, J.C. (2004). The impact of cognitive test anxiety on text comprehension and recall in the absence of external evaluative pressure. *Applied Cognitive Psychology*, 18, 311-325.
- Chan, D. (2007). Burnout, self-efficacy, and intelligence among Chinese prospective and inservice school teachers in Hong Kong. *Educational Psychology*, 27(1), 33-49.
- Comeau, N., Stewart, S.H., & Loba, P. (2001). The relations of trait anxiety, anxiety sensitivity, and sensation seeking to adolescents' motivations for alcohol, cigarette, and marijuana use. *Addictive Behaviors*, 26(6), 803-825.
- Dilmac, B., Hamarta, E., & Arslan, C. (2009). *Analysing the trait anxiety and locus of control of undergraduates in terms of attachment styles*. *Educational Sciences: Theory & Practice* 9 (1), 143-159.
- Doebler, L. K., & Roberson. T. G. (1989). Problems of secondary student teachers as perceived by cooperating teachers and high school students: A follow-up study. *Education*, Vol.109, 497-503.
- Fang, D. L. and Luo, Y. L. (2009). A brief analysis on the harmful mental states. *Journal of Chengdu University (Educational Sciences Edition)*, 23, 48-50
- Fuller, F. F. (1969). Concerns of teaching: A developmental characterization. *American Educational Research Journal*, 6, 207-226.
- Gardner, L. E., & Leak, G. K. (1994). Characteristics and correlates of teaching anxiety among college psychology teachers. *Teaching of Psychology*, 21(1), 28-32.
- Gurnam Kaur Sidhu & Chan Yuen Fook. (2010). Formative Supervision of Teaching and Learning: Issues and Concerns for the School Head. *Faculty of Education, Universiti Teknologi MARA. European Journal of Scientific Research*.
- Goodyear, R. K., & J.M. Bernard. (1998). Clinical supervision: Lessons from the literature. *Counselor Education and Supervision* 38: 6\_22.
- Hamdan Bin Said & Nurlia Binti Mohamad. (2011). Penyeliaan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah-Sekolah Kebangsaan Di Daerah Kota Tinggi, Johor. *Journal. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*.
- Hamdan Bin Said & Lim Seng Thay. (2011). Penyeliaan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah-Sekolah Kebangsaan Di Daerah Kota Tinggi, Johor. *Journal. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*.

- Haseth, K. (2005). Norwegian adaptation of the job stress survey. In: Spielberger, C.D. and Sarason, I.G. Eds., *Stress and Emotion: Anxiety, Anger, and Curiosity*. Routledge Taylor & Francis Group, New York, 293-312.
- Hashim Hamad. (2000). Peranan Pengetua Sebagai Penyelia dan Pemimpin di Sekolah. *Tesis Sarjana*, UPM.
- Hoffman, L. R. (2001). The effects of social skills training on college adjustment. *Dissertation Abstracts International; Section B: The Sciences & Engineering*, 62, 1579.
- Holland, P. E., & Adams, P. (2002). Through the horns of a dilemma between instructional supervision and the summative evaluation of teaching. *International Journal of Leadership in Education*, Volume 5, Issue 3 September 2002, p. 227 – 247.
- Koba, N., & Ogawa, N., & Wilkinson. D. (2000). Using The Community Language Learning Approach To Cope With Language Anxiety. *The Internet TESL Journal* , 6 (11).
- Ladany, N., & Friedlander, M. L., & Nelson, M. L. (2005). Critical events in psychotherapy supervision: An interpersonal approach. Washington, DC:, American Psychological Association.
- Liddle, B. (1986). Resistance in supervision: A response to perceived threat. *Counselor Education and Supervision*.
- Michelle Trudgen & Sharon Lawn. (2011). What is the Threshold of Teachers' Recognition and Report of Concerns About Anxiety and Depression in Students? An Exploratory Study with Teachers of Adolescents in Regional Australia. *Australian Journal of Guidance and Counselling*.
- Morton, L. L., & Vesco, R., & Williams, N. H., & Awender, M. A. (1997). Student teacher anxieties related to class management, pedagogy, evaluation, and staff relations. *British Journal of Educational Psychology*, 67, 69-89.
- Mosher, Ralph. L. & Purpel, David. E. (1972). *Supervision: The Reluctant Profession*. Boston: Houghton Mifflin Company.
- Murphy, N. W. (2004). *Orientations to higher degree supervision: The inter relatedness of beliefs about supervision, research, teaching, and learning*. Unpublished doctoral dissertation, Griffith University, Australia.
- Murray-Harvey, R., & Slee, P. T. (2010). School and home relationships and their impact on school bullying. *School Psychology International*, 31(3), 271–295.
- Parson, J. E. (1973). *Assessment of anxiety about teaching using the teaching anxiety scale: Manual and research report*. Austin, TX: Research and Development Center for Teacher Education, University of Texas.
- Parker, P. (2009). *Strategies for resilient teachers program, whitepaper*. Sydney, Australia: Faculty of Education and Social Work, University of Sydney Comm. Corp. Retrieved February 16, 2011, from <http://communicorpgroup.com/>.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. (2012). Kementerian Pelajaran Malaysia, September 2012.
- Surat Pekeliling Ikhtisas. Bil: 3/ 1987. *Penyeliaan Pengajaran-Pembelajaran Di Dalam Kelas Oleh Pengetua/Guru Besar Sekolah*.
- Sinclair, K. E., & Heys, T. A., & Kemmis, S. (1974). Anxiety and cognitive processes in problem solving. *Australian Journal of Education*, 3, 239-254.
- Sinclair, K., & Nicoll, V. (1980). The sources and experience of anxiety in practice teaching. *Paper presented at the Annual Conference of the South Pacific Association of Teacher Education*, Canberra.
- Sinclair, K. E., & Ryan, G. (1987). Teacher anxiety, teacher effectiveness, and student anxiety. *Teaching and Teacher Education*, 3, 249-253.
- Skovholt, T. M., & Trotter-Mathison, M. (2011). *The Resilient Practitioner: Burnout Prevention and Self-Care Strategies for Counselors, Therapists, Teachers and Health Care Professionals*. Second Edition. New York: Routledge.
- Thomas, B. (2006). *Composition studies and teaching anxiety: A pilot study of teaching groups and discipline- and program-specific triggers*. Unpublished doctoral dissertation. Bowling Green University, Bowling Green.

- Wang, L., & Dajun Zhang. (2012). Characteristics of anxiety among primary and middle school teachers: A content-based approach to state anxiety. Center for Psychological Health Research & School of Psychology, Southwest University, Chongqing, China.
- Whittaker Sarah M. (2004). A Multi-Vocal Synthesis of Supervisees' Anxiety and Self-Efficacy During Clinical Supervision: Meta-Analysis and Interviews. Virginia Polytechnic Institute and State University . Counselor Education
- Zeidner, M. (2007). Test anxiety in educational contexts: Concepts, findings, and future directions. In P. Schutz & R. Pekrun (Eds.), *Emotion in education* (pp. 165–184). San Diego, CA: Academic Press.
- Zeidner, M., & Matthews, G. (2011). *Anxiety 101. The psych 101 Series*. New York: Springer Publishing Company, LLC.
- Zoller, U., & Ben-Chaim, D. (1988). Interaction between examination type, anxiety state, and academic achievement.